


YANAKA

Pengalaman sebenar (Rasa, sentuh, makan.) di Bandar Taito

谷 中

Kawasan yang dipanggil "Yanaka" (Tengah lembah) dipercayai telah diberi nama sebelum zaman Edo, menggambarkan lokasinya di bawah lembah antara Ueno dan tanah tinggi Hongo. Namanya juga dikatakan sebagai perbandingan kepada kawasan kejiranannya "Shitaya"(Kaki lembah). Berdasarkan pelan bandar mengikut dasar Shogun, banyak tokong ditumpukan di Yanaka dan membentuk pekan tokong. Semenjak itu, Yanaka terkenal sebagai "pekan tokong dan cerun" dan pada tahun 2007 telah dipilih sebagai satu daripada "100 pemandangan bersejarah terbaik bagi Keindahan Jepun".



Bersiar-siar dan Berjalan-jalan di Sekitar Yanaka

谷中の見る・遊ぶ

Muzium Arca Asakura 朝倉彫塑館



Muzium ini dihiasi dengan patung gangsa manusia dan kucing, terbuka kepada orang awam. Bekas studio dan tempat tinggal Fumio Asakura ini menghasilkan banyak seni patung dalam abad ke-20. Rumah ini dibina mengikut reka bentuk tradisional Jepun. Sepanjang tahun, tempat ini menarik pelancong dengan keindahan taman dalamannya yang memaparkan pemandangan perubahan musim.

Alamat: 7-18-10 Yanaka Taito-Ku **Telefon:** 03-3821-4549

Akses: Berjalan kaki selama 5 minit dari stesen Keisei Nippori JR

Masa Operasi: 9:30 pg – 4:30 ptg **Bayaran Masuk:** JPY500

Tutup: Isnin & Khamis (Hari seterusnya sekiranya cuti)

Muzium Kaligrafi 書道博物館



Muzium ini memperkenalkan pelbagai bahan yang berkaitan dengan "Shodo," atau kaligrafi yang dikumpulkan oleh Fusetsu Nakamura, ahli kaligrafi terkenal yang lahir pada abad ke-19. Satu daripada hasil kerja beliau yang bernilai di dunia dalam koleksi ini telah ditulis dengan berus pada kira-kira 1,300 tahun yang lalu. Anda akan terpegun dengan keindahan karakter "Kanji" hasil seni ini.

Alamat: 2-10-4 Negishi Taito-Ku **Telefon:** 03-3872-2645

Akses: Berjalan kaki selama 5 minit dari stesen Uguisudani JR

Masa Operasi: 9:30 pg – 4:30 ptg **Bayaran Masuk:** JPY500

Tutup: Isnin

Tambahan Muzium Shitamachi (Bekas Kedai Arak Yoshidaya)

下町風俗資料館付設展示場 (旧吉田屋酒店)



Rumah ini kini digunakan sebagai dewan pameran, dahulu merupakan Kedai Arak yang dibina pada tahun 1910 dan beroperasi sehingga 1986. Semua peralatan seperti penimbang dan penyukat dipamerkan di dewan.

Alamat: 2-10-6 Ueno-sakuragi Taiko-Ku **Telefon:** 03-3823-4408

Akses: Berjalan kaki selama 10 minit dari Stesen Metro Nezu

Masa Operasi: 9:30 pg – 4:30 ptg (kemasukan terakhir 4:00 ptg)

Bayaran Masuk: Percuma **Tutup:** Isnin

Nombor Untuk Dihubungi

Pertanyaan Tentang Lawatan Bersiar-siar

Putus Informasi Pelancong Kebudayaan Asakusa 03-3842-5566
Kelab Tokyo SGG..... 03-6280-6710
(Dibuka Setiap Hari 9:30 pg – 5:00 ptg)
JTNO TIC..... 03-3201-3331
Putus Informasi Pelancong Tokyo
Ibu Pejabat Bangunan TMG 03-5321-3077
Basuta Shinjuku 03-6274-8192
Cawangan Lapangan Terbang Haneda 03-6428-0653
Cawangan Keisei Ueno 03-3836-3471
Informasi Pelancong YANESEN 03-3828-7878

Pengangkutan

Informasi Penerbangan

Lapangan Terbang Antarabangsa Tokyo (Haneda).... 03-5757-8111
Lapangan Terbang Antarabangsa Baharu Tokyo (Narita).... 0476-34-8000
JR Timur 050-2016-1603

"Megurin" Lingkaran Bas Bandar Taito

Bandar Taito menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan menggunakan bas yang dinamakan sebagai "Megurin". Menyambungkan tumpuan utama seperti Asakusa dan Stesen Ueno dalam satu arah, Megurin tiba setiap 15 minit bagi setiap laluan antara arah utara, selatan, laluan timur-barat dan laluan utara-selatan. Tambang adalah JPY100 untuk satu arah bagi orang dewasa dan juga kanak-kanak. Tiket lain seperti Kad Bas adalah tidak diterima. Kad perjalanan harian berharga: JPY300.

◆ <http://www.city.taito.lg.jp/index/kurashi/kotsu/megurin/index.html>

Daerah Yanaka mempunyai banyak kawasan kuil dan tanah hak milik peribadi.

Kami berharap anda gembira untuk meneroka kawasan ini tetapi sentiasa beringat untuk berbudi bahasa dan berkelakuan baik. Terima kasih atas kerjasama anda.

Penerbit ♦ Seksyen Pelancongan Pejabat Bandar Taito, 4-5-6, Higashi-Ueno, Taito-Ku, Tokyo 110-8615 ♦ <http://www.city.taito.lg.jp/>

Taito Odekake Navi (Laman Web Maklumat Pelancongan Bandar Taito) ♦ <http://t-navi.city.taito.lg.jp/>

Visit Authentic Tokyo (Laman Web Informasi Pelancong Bandar Taito) ♦ <http://authentic-tokyo.com>

* Sila ambil maklum bahawa kandungan, nama dsbnya mungkin telah berubah apabila panduan ini dikeluarkan.

Tokong Tennoji 天王寺



Keluar dari Stesen Nippori melalui pintu selatan, anda akan menemui Tokong Tennoji, daerah ini dahulunya menarik minat ramai orang pada zaman Edo yang berharap untuk mendapat kekayaan dalam loteri awam.

Patung besar Buddha yang sedang duduk, menyerupai imej besar Buddha di Kamakura, telah diletakkan di daerah ini semenjak tahun 1690.

Alamat: 7-14-8 Yanaka Taito-Ku

Akses: Berjalan kaki selama 3 minit dari stesen Nippori JR

Yanaka Ginza 谷中ぎんざ



Yanaka Ginza merupakan pasar jalanan kecil yang membekalkan komoditi kepada penduduk tempatan. Terdapat 70 kedai yang mengekalkan suasana mesra Shitamachi atau bahagian bawah bandar untuk daerah kelas masyarakat bekerja. Semasa melalui jalan ini, anda mungkin disapa mesra untuk berhenti dan melihat barang yang ditawarkan.

Akses: Berjalan kaki selama 3 minit dari stesen Keisei Nippori JR

Lawatan berpandu untuk pengunjung asing 外国人観光客ガイドツアー

Kelab SGG Tokyo (Kumpulan Penterjemah-Pemandu Pelancong Sukarelawan) menawarkan lawatan berpandu Asakusa, Ueno dan Yanaka dalam Bahasa Inggeris kepada pengunjung asing tanpa bayaran.

Telefon: 03-6280-6710 **Masa Beroperasi:** 9:30 a.m.-5:00 p.m.
<http://tokyosgg.jp/guide.html>

Hotel

Persatuan Hotel dan Ryokan Taito 03-3834-2008
Asrama Antarabangsa Belia Tokyo 03-3235-1107

Informasi Kemudahan Perubatan

Informasi Institusi Perubatan Metropolitan Tokyo (HIMAWARI) 03-5285-8181

Pusat Informasi Perubatan Antarabangsa AMDA 03-6233-9266

Kecemasan

Polis (panggilan dijawab dalam Bahasa Inggeris)....03-3501-0110

